**Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah**
**Kementerian Pendidikan Tinggi**
Bandar Darulaman
06000 JITRA
KEDAH, MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

Telefon : 04-9146100
Faks : 04-9174232
Web : http://www.polimas.edu.my
: Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Official

Rujukan Kami : POLIMAS/UPLI/PPP-07/11-5 Jld. 4 (87)
Tarikh : 15 Mei 2026

***SEMUA PELAJAR LI SESI 2 : 2025/2026***

Saudara/saudari,

**PENGESAHAN TAMAT DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI SESI 2 : 2025/2026**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa proses Pengesahan Tamat dan Penilaian Latihan Industri (PTLI) Sesi 2 : 2025/2026 bagi kod kursus LI – DUT600610 akan dilaksanakan secara **bersemuka*** sepenuhnya mengikut ketetapan berikut:

| PERKARA | TARIKH TAMAT LI | TEMPAT* | TARIKH PTLI |
|---|---|---|---|
| Pengesahan Tamat Dan Penilaian LI | **21/22 MEI 2026 (KHAMIS/JUMAAT),** ***atau*** **tarikh lain seperti Lampiran A** | Pejabat / Ruang Kerja Pensyarah Penilai (PP) | **Rujuk LAMPIRAN A** |

3. Sehubungan itu, semua dokumen berkaitan perkara di atas hendaklah diemel atau dihantar selewat-lewatnya pada hari Pengesahan Tamat & Penilaian LI dilaksanakan. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :

i. Lampiran 1
ii. Borang Penilaian (mengikut kod LI masing-masing)
iii. Surat Pengesahan Tamat LI

} *melalui emel :* somsi@polimas.edu.my

iv. Jurnal Refleksi
v. Cetakan Slaid Pembentangan (termasuk fail *softcopy*)
vi. Laporan Akhir Latihan Industri yang telah dijilid (comb binding),
vii. Lain-Lain Dokumen seperti Sijil Cuti Sakit dan lain-lain (jika berkaitan),
viii. Maklum Balas Pelajar melalui *link* https://forms.gle/wMVuTveGeTob3nt2A
ix. Komputer Riba (laptop)

4. Bagi pelajar yang terlibat dengan kod kursus LI - DUT60019, **TIADA** proses Pengesahan Tamat & Penilaian LI secara bersemuka. Sebaliknya, kumpulan pelajar ini hanya perlu memastikan semua dokumen (pohon rujuk **LAMPIRAN B**) telah dihantar mengikut tarikh/tempoh yang ditetapkan. Sila rujuk **LAMPIRAN 2** bagi tujuan penghantaran Jurnal Refleksi dan Laporan Akhir Latihan Industri.

5. Sila ambil maklum, sebarang kelewatan atau keingkaran tindakan saudara/saudari berhubung perkara ini boleh menyebabkan kelewatan keputusan penilaian LI atau saudara/saudari boleh dicadangkan keputusan Gagal LI bagi sesi berkenaan. Sebarang kemusykilan atau pertanyaan (jika ada), saudara/saudari boleh menghubungi Pegawai Perhubungan & Latihan Industri (Latihan) di talian 012 – 401 0607. Kerjasama dan perhatian penuh saudara/saudari berhubung perkara ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

..................................................

**(DR. MHD AZMIN BIN MAT SEMAN)**
b.p Pengarah
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

*s.k 1. Ketua Jabatan Akademik*
*2. Ketua Penyelaras Latihan Industri Jabatan, KPLIJ*
*3. Penyelaras Latihan Industri Jabatan, PLIJ*
*4. Ketua Unit Sistem dan Teknologi Maklumat, USTM – hebahan melalui laman sesawang*
*5. Fail UPLI*